

13/07/2004

Ku Li patut insaf selepas tiga kali kalah berturut-turut

By Kamal Ahmad

TENGGU Razaleigh Hamzah ternyata belum serik untuk mencuba menjadi Presiden Umno sekali gus Perdana Menteri. Tiga percubaannya sejak 1981 hingga 1987 yang menemui kegagalan, belum cukup menyedarkannya betapa pertandingan bagi dua jawatan tertinggi Umno boleh menukar parti menjadi sangat rapuh dan tidak bermaruah.

Kesan paling buruk tindakan beliau adalah ketika bertanding menentang Tun Dr Mahathir Mohamad bagi jawatan Presiden Umno dalam pemilihan 1987. Kekalahan Ku Li dengan hanya 38 undi mendorong beliau membawa kes itu ke mahkamah dan pada 1988, Umno diharamkan.

Sepanjang kempen yang sengit, muncul taktik baru mengumpun perwakilan dengan apa yang dikatakan sebagai politik wang. Gejala itu berlarutan beberapa penggal dalam pemilihan Umno pada semua peringkat dan memaksa Majlis Tertinggi (MT) mengenakan pelbagai peraturan berkempen untuk mengekang politik wang.

Sekian lama Umno berdepan dengan barah politik wang dan pelbagai usaha dibuat untuk mengubatnya. Kini Umno hampir pulih dan tidak perlu lagi politik wang.

Kepemimpinan baru Umno diterajui Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berjaya mengubati beberapa penyakit dalam parti. Oleh itu, kehadiran Ku Li dalam gelanggang politik tertinggi Umno tidak sewajarnya kerana ia umpama lalat yang membawa pelbagai bakteria yang boleh menyebabkan ahli dan parti sakit semula.

Mengapakah Ku Li bersikap demikian? Ada beberapa tanggapan terhadap sikapnya. Antaranya, sekadar untuk menyatakan kepada ahli Umno bahawa beliau masih relevan dalam gelanggang atau di atas kotak percaturan Umno. Tetapi jika sekadar mahu menyatakan itu, sebenarnya Ku Li boleh menggunakan pelbagai platform lain untuk sentiasa diingati, malah disanjung.

Beliau boleh membantu memberi nasihat dalam soal ekonomi, memikirkan isu strategik, mahupun meletakkan komitmen dalam panel tertinggi 'R&D Umno'. Tidak ada salah dan rugi jika beliau menjadi seperti Dr Mahathir yang menerajui sebuah badan pemikir.

Peringatan umum kepada seluruh ahli dan kepemimpinan Umno ialah tidak semua orang boleh jadi Presiden Umno dan Perdana Menteri.

Jawatan itu hanya satu dan hanya seorang yang akan dipilih untuk mengisinya. Untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara juga tidak semesti dengan menjadi Perdana Menteri atau Presiden Umno.

Ku Li bukan pemain baru dalam 'industri politik' negara. Pembabitan hampir 40 tahun dalam parti yang pernah beliau tinggalkan ketika menerajui Semangat 46, ternyata sudah menjadi darah daging. Jika MT sebulat suara memberi pandangan, nasihat dan mandat berhubung kedudukan pemilihan peringkat tertinggi parti tahun ini, beliau pasti sangat arif mengenainya.

Apakah bentuk pernyataan yang harus disampaikan oleh MT kepada Ku Li dan Umno Gua Musang berhubung mesej supaya Abdullah dan Datuk Seri Najib Tun Razak diberi laluan menerajui parti?

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Mohd Taib, ketika dihubungi, membayangkan beliau 'tidak tahu apa lagi yang harus diperkatakan' terhadap sikap Ku Li. Tetapi pendirian beliau jelas dan tegas apabila berkata:

"Semolek-moleknya tidak usah ada pertandingan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Ini adalah pandangan dan nasihat seluruh ahli MT Umno. Ini untuk mengelakkan perpecahan. Mesej ini sudah disampaikan kepada Umno

bahagian sekian lama. Bagi jawatan Naib Presiden, pertandingan dibolehkan tetapi dengan suasana harmoni dan beringat supaya tidak berlaku perpecahan."

Tengku Razaleigh tentu faham atau mesti faham mesej MT ini. Muhammad tidak mahu memberi ulasan peribadi mengenai sikap Ku Li tetapi mesej MT sudah disampaikan kepada Umno bahagian lebih sebulan lalu dan sesiapa juga harus faham serta mematuhi. Kemarahan juga mula membakar dalam hati ahli dan pemimpin Umno.

"Tak patut. Saya sedia menjadi `giant killer' untuk berdepan dengan Ku Li jika dia mahu menentang Pak Lah. Ini kerana MT sudah memutuskan kesepakatan supaya tidak ada pertandingan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno.

Kita sebagai pemimpin bahagian mesti patuh, walaupun atas nama demokrasi dia boleh bertanding.

"Tidak ada sebab kenapa Ku Li nak bertanding Presiden Umno, kecuali untuk memenuhi atau mencapai cita-cita peribadi. Tindakan beliau akan membawa perpecahan. Kita tidak mahu peristiwa hitam 1987 berulang dan Umno akhirnya binasa," kata Ketua Penerangan Umno Bahagian Marang, Datuk Abdul Rahman Bakar.

Apakah tawaran Ku Li ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Pemuda dan Puteri Umno Bahagian Gua Musang, sebelum ini juga sekadar `mahu menguji pasaran' atau mahu membuktikan yang beliau `masih tetap seseorang yang berpengaruh' atau sekadar mencari publisiti dengan 50 peratus diskaun?

Dua andaian ini jika benar, tidak memerlukan Ku Li menyuarakan hasrat untuk mencabar Abdullah pada Perhimpunan Agung Umno, September depan. Orang selalu menggunakan angka 3 sebagai mengukur tahap seseorang.

Sesuatu pertandingan akan ada tiga pemenang tertinggi. Dalam gusti pun seseorang akan dikira kalah kalau tidak bangkit selepas kiraan 1, 2 dan 3. Jika Ku Li sudah kalah dalam tiga pemilihan besar bagi tiga penggal berturut-turut (1981, 1984 dan 1987), di situ sudah boleh difahami mesej perwakilan bahawa beliau harus berundur.

Kekalahan tiga kali berturut-turut juga memberi persepsi bahawa mungkin seseorang itu tidak cukup `berkebolehan' untuk mengisi jawatan yang dikehendaki. Malah, tiga kekalahan berturut-turut itu juga membuktikan seseorang itu sebenarnya `belum cukup licik berpolitik' dengan ahli Umno sendiri kerana undi di tangan mereka.

Penganalisis politik, Abdul Razak Baginda berkata tindakan Ku Li mencabar Abdullah hanya akan membangkitkan kemarahan rakyat dan seluruh Umno kerana tidak ada sebarang sebab Abdullah perlu dicabar kerana beliau sudah membuktikan kepimpinan dan kerajaan yang diterima majoriti rakyat negara ini.

"Beliau tidak akan mendapat pencalonan. Tidak ada sebab untuk sesiapa mencabar Abdullah sebagai Presiden kerana beliau sudah membuktikan kewibawaan kepimpinannya dalam pilihan raya umum lalu.

"Parti dan negara dalam keadaan baik. Sesiapa yang mencabar kerajaan yang baik akan membawa kepada kemarahan rakyat," katanya.

Apakah yang mahu dicabar oleh Ku Li terhadap Abdullah? Cabaran hanya berlaku jika seseorang pemimpin itu melakukan kesilapan besar dan perlu ada pembetulan atau pembaharuan.

Kenyataan penganalisis ini juga membayangkan bahawa Ku Li sebenarnya terpaksa `bekerja keras' untuk mendapatkan pencalonan bahagian. Untuk melayakkan bertanding atau menjadi calon, beliau memerlukan 58 pencalonan berbanding 17 pencalonan ketika pemilihan 1987.

Rekod lama harus Ku Li kaji. Jika untuk mendapatkan 17 pencalonan pun Umno hampir lebur, bayangkan apakah akan jadi jika beliau mahu mendapatkan 58 pencalonan sekarang!

Malah, Umno bahagian juga sebenarnya sealiran dan memahami mesej MT Umno supaya tidak ada pencalonan untuk mencabar Abdullah serta Najib. Perlu apa melawan arus dan hasrat MT jika apa yang disarankan demi untuk kebaikan parti.

Sesungguhnya, Umno memerlukan tokoh veteran termasuk Ku Li sendiri untuk memantapkan imej dan struktur parti. Lihat saja sikap veteran MCA yang bersikap rasional. Tidak ada seorang pun tokoh veteran mereka bercita-cita mahu menjadi presiden kerana presiden harus seseorang yang memiliki kombinasi tertentu dan kontemporari. Pemikiran Ku Li juga hebat dan negara memerlukannya. Ini boleh disalurkan oleh beliau melalui perantaraan sewajarnya.

(END)